



## JABATAN BENDAHARI

### UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

#### PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2015

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab,

#### LANGKAH PENJIMATAN DALAM PEROLEHAN UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

- I) HAD NILAI PEMBELIAN TERUS BAGI BEKALAN DAN PERKHIDMATAN
- II) HAD NILAI KERJA-KERJA *REQUISITION*

#### TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan “Langkah Penjimatan Dalam Perolehan Universiti Malaysia Perlis – Had Nilai Pembelian Terus Bagi Bekalan dan Perkhidmatan, dan Had Nilai Kerja-Kerja *Requisition*”.

#### LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan usaha Kerajaan dalam melaksanakan langkah-langkah penjimatan, satu perubahan telah dibuat kepada had nilai dan syarat-syarat pembelian terus bagi bekalan/perkhidmatan dan had nilai kerja *requisition*. Perubahan ini telah dimaklumkan melalui **1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PK2/2013** dan Lembaga Pengarah Universiti telah bersetuju agar Universiti Malaysia Perlis menerima kandungan pekeliling tersebut.

#### TAKRIFAN

3. Bagi maksud pemakaian Pekeliling ini:
- i. “Pembelian Terus” adalah ditafsirkan sebagai perolehan bekalan/perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000.00 atau sesuatu kontrak.
  - ii. “Setiap Jenis Item” adalah ditafsirkan sebagai satu barang/perkhidmatan yang mempunyai fungsi yang sama dan/atau boleh diperolehi daripada satu punca bekalan serta perolehan tersebut boleh dirancang. Contoh-contoh

pengkelasan adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Walaubagaimanapun, Universiti telah mengenalpasti pengecualian kepada item yang terdapat dalam lampiran tersebut dan diperjelaskan dalam perenggan 11 pekeliling ini.

- iii. “*kerja Requisition*” adalah ditafsirkan sebagai kerja-kerja kecil dan pembinaan yang tidak mengubah struktur asal dengan menggunakan Jadual Kadar Harga.

## **HAD NILAI, KAEDAH DAN SYARAT PEROLEHAN BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN**

4. Had nilai baru pembelian terus dan sebut harga bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan adalah seperti berikut:

Bil.	Had Nilai	Kaedah dan Syarat Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus
i.	Sehingga RM20,000.00 setahun atau sesuatu kontrak	<p>a. Dilaksanakan secara pembelian terus daripada mana-mana pembekal sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera</p> <p>b. Kajian pasaran hendaklah dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan.</p>	Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Pegawai Yang Diturunkan Kuasa
ii.	Melebihi RM20,000.00 hingga RM50,000.00 setahun atau sesuatu kontrak	<p>Dilaksanakan secara sebut harga mengikut tatacara sedia ada iaitu Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2009 dengan kelonggaran seperti berikut:-</p> <p>a. Pelawaan sekurang-kurangnya di kalangan tiga (3) pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera;</p> <p>b. Tempoh notis dipendekkan kepada tiga (3) hari;</p> <p>c. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga tidak diperlukan. Penyebut harga boleh mengemukakan dokumen sebut harga terus kepada urusetia melalui faks yang bertutup seperti ditetapkan oleh pusat tanggungjawab; dan</p>	<p>Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) seperti di dalam peraturan sedia ada iaitu SPP Bil. 5 Tahun 2009;</p> <p><b>ATAU</b></p> <p>a. Pegawai Pengawal boleh menubuhkan JKSH baru untuk meluluskan perolehan bekalan dan perkhidmatan melebihi RM20,000.00 hingga RM50,000.00 yang dikenali sebagai JKSH ‘B’; dan</p>

		<p>d. Penilaian sebutharga oleh satu (1) Jawatankuasa Penilai dianggotai sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli termasuk pengurus yang dilantik oleh Ketua Jabatan.</p>	<p>b. JKSH 'B' hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang termasuk pengurus yang dilantik oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan.</p>
--	--	---	--

5. Perolehan perkhidmatan percetakan, perkhidmatan agen pengembalaan, bekalan buku cetakan luar negara sehingga RM50,000 boleh dibuat secara pembelian terus dengan pembekal/syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

#### **SYARAT-SYARAT PEROLEHAN LAIN**

6. Syarat-syarat berikut perlu dipatuhi sebelum perolehan dilaksanakan:-

- i. Harga tawaran yang paling menguntungkan Kerajaan/Universiti hendaklah dipilih;
- ii. Perolehan hendaklah tidak tertumpu kepada satu syarikat pembekal sahaja dan syarikat-syarikat lain yang berkelayakan hendaklah diberi peluang untuk menyertai perolehan tersebut;
- iii. Bagi perolehan bekalan/perkhidmatan yang sukar ditentukan harga pasaran, perbandingan dengan harga pembelian lampau adalah dibolehkan;
- iv. Bagi bidang khusus yang memerlukan lesen/permit yang sah atau keperluan lain yang disyaratkan mengikut peruntukan undang-undang yang ditetapkan, pembekal yang dipilih hendaklah mematuhi syarat-syarat yang tersebut. Antaranya memiliki lesen daripada Kementerian Dalam Negeri untuk perkhidmatan kawalan keselamatan, lesen farmasi daripada Kementerian Kesihatan bagi bekalan ubat dan sebagainya; dan
- v. Bagi nilai perolehan sehingga RM20,000.00, sekiranya dalam keadaan dimana keperluan perenggan 4 (i)(b) tidak berupaya dipatuhi, Ketua PTJ/Pegawai Yang Diturunkan Kuasa adalah masing-masing bertanggungjawab menyediakan justifikasi bagi setiap perolehan yang dilakukan dan menyimpan rekod perolehan ini dengan teratur bagi tujuan semakan dan pengauditan.

## **HAD NILAI PEROLEHAN KERJA-KERJA *REQUISITION***

7. Kerajaan telah menetapkan had nilai kerja-kerja *requisition* menggunakan Jadual Kadar Harga dikurangkan daripada RM100,000.00 kepada RM50,000.00 sahaja. Kerja-kerja *requisition* bernilai tidak melebihi RM50,000.00 hendaklah dilaksanakan secara undian atau pusingan dengan menggunakan Jadual Kadar Harga di kalangan kontraktor bangunan/awam Gred G1 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan.

8. Bagi kerja-kerja *requisition* yang melebihi RM50,000.00 sebut harga hendaklah dipelawa di kalangan kontraktor bangunan/awam yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK serta SPKK dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan.

## **LANTIKAN TERUS**

9. Kaedah lantikan terus hanya ditetapkan bagi perolehan kerja. Kerja-kerja yang bernilai tidak melebihi RM20,000 boleh dibuat secara lantikan terus di kalangan kontraktor Gred G1 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan(SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB).

## **TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL/UNIT AUDIT DALAM**

10. Bagi memastikan perolehan dilaksanakan dengan penuh akauntabiliti, peranan Pegawai Pengawal adalah penting dalam memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi sepenuhnya; -

- i. Merancang perolehan tahunan dan memastikan pembelian terus tidak dipecah kecil untuk mengelak perolehan secara sebut harga atau tender;
- ii. Memastikan perolehan jenis item yang sama dalam setahun yang melebihi had nilai pembelian terus dibuat mengikut peraturan perolehan semasa yang ditetapkan;
- iii. Mengambil tindakan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP 59) sekiranya pegawai-pegawai yang menguruskan perolehan gagal mematuhi peraturan semasa yang ditetapkan; dan
- iv. Unit Audit Dalam UniMAP bertanggungjawab memantau pelaksanaan perolehan secara pembelian terus dan perolehan selanjutnya bagi jenis item yang sama agar perolehan dibuat mematuhi peraturan ini dan tidak memecah kecilkan perolehan. Satu rekod lengkap mengenai jenis item yang dibeli, nama pembekal dan nilai perolehan hendaklah disimpan dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal setiap tiga (3) bulan melalui **Unit Tender & Sebutharga , Jabatan Bendahari** serta disalinkan kepada Unit Audit Dalam UniMAP.

## **PENGECUALIAN**

11. Universiti telah mengenalpasti beberapa item yang dikecualikan daripada yang disenaraikan di **Lampiran 1** melalui **1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PK7/2013 – Pengecualian Daripada Tatacara Perolehan Kerajaan**. Senarai pengecualian yang terpakai serta butiran lanjut mengenai setiap pengecualian adalah seperti berikut:

### **11.1 Perolehan Kenderaan**

11.1.1 Kenderaan yang dibenarkan adalah seperti berikut:

- i. Kenderaan jenis *saloon*;
- ii. Kenderaan jenis pacuan empat roda (4WD/SUV);
- iii. Kenderaan jenis utiliti seperti MPV, van, *pick-up* dan lori/trak; dan
- iv. Bas/coaster 25 penumpang.

11.1.2 Pengecualian ini tidak terpakai bagi kereta rasmi dan kereta Jabatan di bawah penswastaan kereta *saloon* Kerajaan.

11.1.3 Pegawai Pengawal adalah dibenarkan untuk meluluskan perolehan seperti berikut:

- i. Bagi kenderaan jenis *saloon* dan pacuan empat roda (4WD)/SUV, sehingga RM1 juta setahun bagi setiap jenis kenderaan. Perolehan yang melebihi RM1 juta setahun bagi setiap jenis kenderaan tersebut hendaklah dilaksanakan secara tender terbuka atau tender terhad; dan
- ii. Bagi kenderaan jenis utiliti dan bas/coaster 25 penumpang tanpa sebarang had nilai bagi setiap jenis kenderaan tersebut.

11.1.4 Syarat-syarat adalah seperti berikut:

- i. Peruntukan mencukupi;
- ii. Semua kenderaan hendaklah kenderaan buatan tempatan atau yang dipasang dalam negara (CKD) sahaja;
- iii. Pembelian hendaklah dibuat daripada syarikat pembuat/pemasang atau pengedar sah yang dilantik oleh syarikat pembuat/pemasang;
- iv. Syarikat hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan;
- v. Harga kenderaan hendaklah harga bersih (*net selling price*) tidak termasuk komisyen jurujual;
- vi. Harga kenderaan hendaklah termasuk aksesori standard yang ditetapkan oleh syarikat pembuat/pemasang. Bagi pemasangan aksesori tambahan kepada kenderaan tersebut, ia hendaklah dibuat mengikut keperluan dan terlebih dahulu diluluskan oleh Pegawai Pengawal; dan
- vii. Kelulusan Pegawai Pengawal hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

## **11.2 Perolehan Bekalan Surat Khabar Dan Majalah Tempatan Secara Pembelian Terus**

11.2.1 Perolehan surat khabar dan majalah tanpa mengira had boleh diperolehi secara pembelian terus. Bagi perolehan di bawah RM50,000 perolehan boleh dibuat di kalangan mana-mana syarikat/pembekal sama ada berdaftar/tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Bagi perolehan melebihi RM50,000 perolehan boleh dibuat di kalangan mana-mana syarikat/pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan.

## **11.3 Perolehan Bekalan Dan Penghantaran Buku Cetakan Dan Terbitan Luar Negeri**

- 11.3.1 Perolehan bagi bekalan dan penghantaran buku terbitan dan cetakan luar negeri boleh dibuat secara pembelian terus dengan mana-mana syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan (Bahan Bacaan Terbitan Luar Negeri).
- 11.3.2 Kajian pasaran hendaklah dibuat terlebih dahulu mengenai judul tajuk, bidang dan penerbitan supaya harga tawaran adalah berpatutan dan menguntungkan Universiti sebelum pembelian dibuat. Di samping itu, PTJ hendaklah memastikan perolehan tidak tertumpu pada syarikat/pembekal tertentu selaras dengan prinsip-prinsip perolehan.
- 11.3.3 Jawatankuasa Pemilihan Syarikat hendaklah ditubuhkan yang keahliannya terdiri daripada tiga (3) orang yang dilantik oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan. Jawatankuasa Pemilihan Syarikat bertanggungjawab menganalisis dan membuat rundingan ke atas tawaran syarikat berdasarkan kadar diskaun ke paras terendah dan menguntungkan Universiti untuk diperakukan kepada kuasa melulus seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Had Nilai Perolehan (Bagi Setiap Pembelian)</b>	<b>Kuasa Melulus</b>
1.	Sehingga RM200 ribu	Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan selain daripada Jawatankuasa Pemilih Syarikat
2.	Melebihi RM200 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga
3.	Melebihi RM500 ribu sehingga RM50 juta	Jawatankuasa Perolehan
4.	Melebihi RM50 juta	Kementerian Kewangan

- 11.3.4 Pembelian terus secara atas talian (*online*) adalah dibenarkan dengan penerbit buku luar negeri bagi perolehan buku sama ada secara eBook (muat turun) atau pesanan secara atas talian dengan mana-mana syarikat bagi mendapatkan *hard copy* dengan nilai tidak melebihi RM500,000 bagi setiap pembelian. Pembelian secara atas talian termasuk pemilihan judul buku dan penerbit hendaklah mematuhi peraturan di para 11.3.2 dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pemilihan Syarikat untuk kelulusan kuasa melulus berdasarkan had nilai perolehan yang ditetapkan di para 11.3.3.
- 11.3.5 Harga yang ditawarkan oleh syarikat adalah harga bersih (termasuk kos pembungkusan dan penghantaran) dan hendaklah dalam Ringgit Malaysia (kecuali pembelian atas talian).
- 11.3.6 Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan PTJ di bawah kawalannya mematuhi semua peraturan perolehan berkaitan dalam menguruskan perolehan ini.

#### **11.4 Perolehan Secara CIF Bagi Peralatan Latihan, Penyelidikan Dan Perubatan Yang Diimport**

11.4.1 Peralatan latihan, penyelidikan dan perubatan merupakan peralatan yang sensitif dan mudah rosak selain diperlukan secepat mungkin. Memandangkan masalah kelewatan, kerosakan dan tidak memenuhi spesifikasi apabila perolehan peralatan tersebut dilaksanakan secara FOB, Kementerian Kewangan bersetuju menurunkan kuasa kepada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan untuk meluluskan perolehan peralatan latihan, penyelidikan dan perubatan dilaksanakan secara CIF tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) Perolehan peralatan latihan, penyelidikan dan perubatan yang tidak melebihi RM5 juta bagi satu kontrak;

11.4.2 Sekiranya pihak berkuasa pembuat menetapkan peraturan perkhidmatan insurans dan pengangkutan menggunakan perkhidmatan syarikat daripada negara tersebut, kelonggaran adalah diberi untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negara berkenaan.

#### **11.5 Perolehan Ubat-Ubatan Secara CIF**

- 11.5.1 Bagi tujuan mempercepatkan perolehan ubat-ubatan, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan dibenarkan untuk meluluskan perolehan ubat-ubatan secara CIF seperti berikut:
- (i) Perolehan setiap jenis item ubat-ubatan dan *consumables* yang berkaitan sehingga RM10 juta untuk setiap PTJ;
- (ii) Perolehan ubat-ubatan yang memerlukan perkhidmatan *cold*

*chain* tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai perolehan;

- (iii) Bekalan ubat-ubatan dan *consumables* yang berkaitan hanya boleh diperoleh secara CIF setelah dipastikan ianya tidak boleh diperoleh secara tempatan. PTJ hendaklah memastikan bekalan tersebut diperoleh daripada agen sah yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan bertaraf Bumiputera dalam kod bidang berkaitan;
  - (iv) Sekiranya tidak terdapat agen sah bertaraf Bumiputera, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan diberi kuasa untuk meluluskan pembelian daripada mana-mana agen sah yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan;
  - (v) Pembekal hendaklah dikenakan syarat wajib menggunakan perkhidmatan MTO dan insurans daripada syarikat MTO dan insurans tempatan bertaraf Bumiputera yang dilantik disenaraikan oleh Kementerian Kewangan. Perkhidmatan insurans dan MTO hendaklah bermula daripada *port of loading* hingga ke destinasi terakhir yang dinamakan oleh PTJ;
  - (vi) Sekiranya pihak berkuasa membuat menetapkan peraturan perkhidmatan insurans dan pengangkutan hendaklah menggunakan perkhidmatan syarikat daripada negara tersebut, kelonggaran diberi untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negara berkenaan; dan
  - (vii) Petender adalah dibenarkan untuk mengemukakan tawaran alternatif dengan maksimum tiga (3) tawaran bagi setiap item ubat-ubatan.
- 11.5.2 Syarat-syarat di atas hendaklah dinyatakan dengan jelas kepada pembekal dalam syarat-syarat perolehan dan dijadikan sebagai klausu dalam perjanjian kontrak.

## 11.6 Perolehan Berkaitan ICT Dan Rangkaian Internet

### 11.6.1 Perolehan Perisian Komputer Atau Lesen Pengguna

- 11.6.1.1 PTJ adalah dibenarkan untuk membuat perolehan perisian komputer atau lesen pengguna bagi perisian khusus atau perisian umum secara rundingan terus berdasarkan kepada takrifan, had nilai, kuasa melulus dan syarat-syarat seperti berikut:
- (i) Had Nilai dan Kuasa Melulus adalah seperti di bawah:
    - (a) Perisian Khusus:

<b>Bil.</b>	<b>Had Nilai</b>	<b>Kuasa Melulus</b>
1.	Sehingga RM50 ribu	Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan
2.	Melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga
3.	Melebihi RM500 ribu sehingga RM20 juta	Jawatankuasa Perolehan 'B'
4.	Melebihi RM20 juta sehingga RM50 juta	Jawatankuasa Perolehan 'A'
5.	Melebihi RM50 juta	Kementerian Kewangan

(b) Perisian Umum:

<b>Bil.</b>	<b>Had Nilai</b>	<b>Kuasa Melulus</b>
1.	Sehingga RM50 ribu	Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan
2.	Melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga
3.	Melebihi RM500 ribu sehingga RM1 juta	Jawatankuasa Perolehan 'B'
4.	Melebihi RM1 juta	Kementerian Kewangan

(ii) Syarat-Syarat:

- (a) Peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi;
- (b) Perisian berkenaan boleh diperoleh daripada pemilik perisian atau pembekal tunggal/agen tunggal sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan;
- (c) Pembekal tunggal/agen tunggal hendaklah mempunyai surat lantikan yang sah daripada pemilik perisian berkenaan;
- (d) Harga hendaklah dirundingkan ke paras terendah dan menguntungkan Universiti selaras dengan peraturan semasa;
- (e) Perolehan hanya untuk perisian komputer sahaja dan tidak termasuk perkakasan; dan
- (f) Mendapat kelulusan teknikal selaras dengan peraturan berkuat kuasa yang dikeluarkan oleh MAMPU.

(iii) Had nilai, kuasa melulus dan syarat-syarat di Perenggan 11.6.1.1 adalah juga terpakai untuk perolehan yang melibatkan naik taraf perisian komputer atau pembaharuan lesen.

(iv) PTJ dibenarkan mengimport perisian komputer atau lesen pengguna dari negara yang mengeluarkannya/ mengedarkannya sekiranya tidak dapat dibekalkan dari punca tempatan.

## **11.6.2 Perolehan Pangkalan Data, Jurnal Dan Maklumat Secara Atas Talian**

11.6.2.1 PTJ adalah dibenarkan membuat perolehan pangkalan data, jurnal dan maklumat secara atas talian tertakluk kepada had nilai, kuasa melulus dan syarat-syarat seperti berikut:

(i) Had Nilai Dan Kuasa Melulus:

Bil	Had Nilai	Kuasa Melulus
1.	Sehingga RM50 ribu	Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan
2.	Melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga
3.	Melebihi RM500 ribu sehingga RM20 juta	Jawatankuasa Perolehan 'B'
4.	Melebihi RM20 juta sehingga RM50 juta	Jawatankuasa Perolehan 'A'
5.	Melebihi RM50 juta	Kementerian Kewangan '

(ii) Syarat-Syarat;

- (a) Peruntukan kewangan telah diluluskan dan adalah mencukupi;
- (b) Perolehan dibuat daripada mana-mana pemilik atau pembekal tunggal/agen tunggal sama ada yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan;
- (c) Pembekal tunggal/agen tunggal hendaklah mempunyai surat lantikan yang sah daripada pemilik pangkalan data, jurnal dan maklumat berkenaan;
- (d) Harga hendaklah dirundingkan ke paras terendah dan menguntungkan Universiti selaras dengan peraturan semasa; dan
- (e) Mendapat kelulusan teknikal selaras dengan peraturan berkuat kuasa yang dikeluarkan oleh MAMPU.

11.6.2.2 Had nilai, kuasa melulus dan syarat-syarat di para

11.6.2.1 adalah juga terpakai untuk perolehan yang melibatkan pelanjutan tempoh langganan pangkalan data, jurnal dan maklumat atas talian.

## **11.6.3 Pelanjutan Kontrak Penyelenggaraan Dan Menaik Taraf Bagi Perkhidmatan Rangkaian ICT Dan Perkhidmatan Internet**

11.6.3.1 Pelanjutan kontrak penyelenggaraan dan menaik taraf bagi perkhidmatan rangkaian ICT dan perkhidmatan internet dengan pembekal perkhidmatan sedia ada adalah dibenarkan tertakluk kepada had nilai, kuasa melulus dan syarat-syarat seperti berikut:

(i) Had Nilai Dan Kuasa Melulus:

Bil	Had Nilai	Kuasa Melulus
1.	Sehingga RM200 ribu	Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan
2.	Melebihi RM200 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga
3.	Melebihi RM500 ribu sehingga RM20 juta	Jawatankuasa Perolehan 'B'
4.	Melebihi RM20 juta sehingga RM50 juta	Jawatankuasa Perolehan 'A'
5.	Melebihi RM50 juta	Kementerian Kewangan '

(ii) Syarat-Syarat:

- (a) Kontrak semasa masih berkuat kuasa semasa perolehan dibuat;
- (b) Mendapat kelulusan teknikal selaras dengan peraturan berkuat kuasa yang dikeluarkan oleh MAMPU;
- (c) Pembekal hendaklah mempunyai lesen yang sah daripada Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang yang berkaitan;
- (d) Harga hendaklah dirundingkan ke paras terendah yang menguntungkan Universiti selaras dengan peraturan semasa yang berkuatkuasa; dan
- (e) Tempoh kontrak yang munasabah dan hendaklah mengambil kira pelaksanaan 1GovNet;
- (f) Had nilai , kuasa melulus dan syarat-syarat di dalam 11.6.3.1 tidak terpakai untuk perolehan baru atau peluasan skop perkhidmatan rangkaian ICT dan perkhidmatan Internet. Walau bagaimanapun, PTJ hendaklah mendapatkan kelulusan MAMPU sebelum perolehan dilaksanakan.

## KUAT KUASA

12. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa pada tarikh ia dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersekali dengan garis panduan penjimatan dan pekeliling lain yang berkaitan.